



# SPRM

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## HALA TUJU SPRM 2019



**Wawancara  
Eksklusif  
Bersama KP SPRM**  
m/s 04



**Lensa**  
m/s 08-11



**Pelan Antirasuah  
Nasional (NACP)**  
m/s 16





## KANDUNGAN

<b>PENA PENGARANG</b> .....	02
<b>WAWANCARA EKSKLUSIF BERSAMA KP SPRM.</b> .....	04
Hala Tuju SPRM 2019	
<b>LENSA</b> .....	08
<b>ARTIKEL</b> .....	12
Liabiliti Korporat	
<b>BERITA UTAMA</b> .....	18

## SIDANG REDAKSI

### PENERBIT

KPj Dato' Sri Mohd Shukri bin Abdull

### PENERBIT EKSEKUTIF

TKPj Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil

### PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL

TPj Tuan Ruslan bin Tuan Mat

### KETUA PENGARANG

PKPj Norizan binti Abu Samah

### PENGARANG

PsK Lee Cheng Teik

### WARTAWAN

Ps Faarzana binti Mohd Fauzi  
PPs Noordyana Yohana Tawith  
Nur Ayuni Hanis binti Mustapha

### PEREKA GRAFIK

PPs Nur Irwan bin Abd Rahman  
Jamsharina Aini binti Marhaban

### UNIT FOTO

Rosman bin Abu Bakar



## PENA PENGARANG

# RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA

## MEMBENTUK BUDAYA BENCI RASUAH



**Tuan Ruslan bin Tuan Mat**  
Penasihat Eksekutif Editorial

### Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Perangi Rasuah

Tahun 2018 telah melabuhkan tirainya dan meninggalkan banyak peristiwa buat negara kita. Tidak terkecuali SPRM yang semakin matang menghadapi segala cabaran dan dugaan sepanjang tahun 2018. Selamat tahun baru saya ucapkan.

Tahun 2019 bakal menyaksikan transformasi modal insan SPRM bila mana tenaga kerja akan digembleng supaya menjadi lebih komited dalam melaksanakan tugas. Untuk mencapai perkara tersebut ia perlu dilaksanakan secara keseluruhan, holistik dan strategik dan perlunya tindakan yang lebih proaktif untuk memastikan SPRM menjadi agensi terunggul di mata dunia.

Kecemerlangan SPRM sudah pasti akan diteruskan ke tahap lebih tinggi selaras dengan tagline baharu SPRM, Rasuah Dihina, Maruah Dibina. Pada tahun ini, SPRM pastinya akan meningkatkan lagi usaha dalam membendung jenayah rasuah dan ketirisan serta membersihkan sektor awam dan swasta, dengan menekankan budaya benci rasuah.

Usaha ini jelas dilihat dengan operasi penguatkuasaan SPRM yang begitu kerap dan berterusan. Ini juga bersesuaian dengan aspirasi SPRM iaitu menjadikan SPRM satu agensi antirasuah yang terunggul di dunia.

Dalam pada itu, pencegahan rasuah sememangnya memerlukan penglibatan semua pihak dalam mewujudkan suasana serta persekitaran yang bebas serta kebal daripada

gejala rasuah. Pihak SPRM pada 2019 telah memulakan misinya dalam meningkatkan serta meluaskan usaha memperkasakan pencegahan rasuah di seluruh negara. Usaha SPRM turut memperlihatkan keterlibatan semua pegawai SPRM dalam program-program khusus.

Pada tahun ini juga, melalui pencegahan, keutamaan diberi kepada pendidikan di mana antara perancangan yang amat ditekankan adalah memberikan pendidikan awal kepada kanak-kanak mengenai rasuah. Hal ini wajar dilaksanakan untuk mendidik serta melatih jiwa dan minda anak-anak sejak dari kecil supaya membenci rasuah dan memahami konsep rasuah walaupun hanya pendedahan secara umum.

Walaupun berbangga di atas pencapaian SPRM melebihi lima dekad, namun dengan kemunculan cabaran jenayah rasuah yang kini merentasi sempadan serta ancaman keganasan dan jenayah terancang, SPRM perlu bertindak mengikut perubahan setara antarabangsa. Secara tidak langsung, para pegawai SPRM perlu lebih efektif dan inovatif dalam menangani isu-isu rasuah yang bercorak.

Warga SPRM juga diseru untuk mempertingkatkan lagi prestasi dengan suntikan semangat yang lebih membara bagi memastikan matlamat organisasi terunggul di dunia menjadi realiti.

Akhir kata, ayuh warga Malaysia! Kita bulatkan tekad dan hadapi apa jua halangan dan ujian yang menandatangani dengan semangat sehati sejiwa membanteras jenayah rasuah di negara ini. Semoga tahun 2019 membawa kejayaan yang lebih bermakna kepada SPRM dan negara yang tercinta.

Buletin SPRM diterbitkan oleh Cawangan Media Cetak, Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM melalui konsep "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak. Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/IPTS) seluruh negara.



## TEMUBUAL

# HALA TUJU SPRM 2019

WAWANCARA EKSKLUSIF  
BERSAMA  
DATO' SRI MOHD SHUKRI ABDULL  
(KETUA PESURUHJAYA SPRM)



**Apakah perasaan dan harapan Dato' Sri semenjak menjejak semula ke Ibu Pejabat SPRM pada 18 Mei 2018 dan memegang jawatan sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM?**

Seikhlas hati, saya sebenarnya berasa teruja semenjak saya membuat keputusan untuk berpencen awal pada tahun 2016. Apabila kita dah pencen ni, kita jadi seronok, dapat meluangkan masa bersama keluarga, dapat beriadah dan bersukan. Saya tidak lagi memikirkan pasal tanggungjawab kerja.

Tetapi apabila saya dipanggil oleh Perdana Menteri, Tun Mahathir dan beliau mengharap saya kembali ke SPRM untuk menggalas tugas sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM, saya menganggap itu adalah satu takdir dan anugerah istimewa yang diberikan oleh Allah kepada saya.

Walau bagaimanapun, sebenarnya apa yang boleh saya nyatakan, keputusan ini adalah bukan kehendak saya semata-mata. Tetapi atas berdasarkan sebab-sebab tertentu dan kukuh yang bermain di fikiran saya dan kerana sebab-sebab itulah saya kembali ke SPRM dan menggalas tugas sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM.

Salah satu sebab kenapa saya terima jawatan ini adalah kerana Perdana Menteri kita. Beliau meminta saya kembali ke SPRM demi kebaikan semua. Saya sendiri berpendapat bahawa saya perlu kembali kerana mendapat banyak maklum balas negatif dan bermasalah di SPRM pada masa itu. Dalam pada itu, antara sebab kukuh saya kembali adalah untuk menyelesaikan kes-kes rasuah yang berprofil tinggi. Apa yang paling penting, saya ingin mengembalikan keunggulan dan nama SPRM di mata masyarakat.

Oleh itu, saya berharap dengan kembalinya saya ke SPRM, agensi penguatkuasaan ini akan kembali maju dan saya menganggap ini adalah satu peluang keemasan untuk saya dalam menaikkan nama SPRM di persada dunia. Dengan ini juga saya harapkan satu sinar baharu akan muncul kepada SPRM selepas apa yang telah berlaku di negara kita.

**Apakah aspirasi SPRM untuk tahun 2019 dan apakah harapan Dato' Sri terhadap seluruh warga SPRM?**

Pada pandangan saya, SPRM sedikit tercalar gara-gara kes

SRC International Sdn Bhd dan kes 1MDB di mana masyarakat mengatakan SPRM turut bersekongkol dengan mereka yang terlibat untuk menutup kes tersebut. Sedangkan satu dunia turut menjalankan tindakan, siasatan turut dijalankan oleh *authorities* luar seperti negara Amerika Syarikat, Singapura serta Switzerland dan telah menunjukkan bukti kukuh bahawa kes ini memang berlaku. Jadi apabila SPRM pada masa itu banyak mulut berkata seolah-olah tiada tindakan yang diambil, padahal SPRM merupakan antara pakar rujuk, sentiasa dipanggil untuk apa sahaja forum antarabangsa untuk memberi sebarang pandangan tetapi akibat kes ini berlaku, SPRM telah dipandang hina, seperti telah tercalar maruah SPRM.

Jadi saya rasa saya perlu lakukan sesuatu untuk mengembalikan kemunculan SPRM. Oleh itu, pada tahun ini, saya meletakkan dan mencipta satu aspirasi SPRM baharu iaitu menjadikan SPRM sebagai satu agensi antirasuah yang terunggul di dunia. Saya juga meletakkan satu taraf yang cukup tinggi dan dijadikan satu aspirasi yang rasmi dan bergerak.

**Sebagai entiti penting dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia, apakah pandangan Dato' Sri berkenaan peranan SPRM terhadap Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang baru sahaja dilancarkan secara rasminya pada 29 Januari 2019?**

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 merupakan satu manifestasi kerajaan dalam memastikan agenda *governance*, integriti dan antirasuah menjadi tunjang dalam segala urusan pentadbiran Kerajaan. Sebagai agensi penguatkuasaan yang diberikan mandat khusus melalui Akta SPRM 2009, sememangnya agenda inilah yang diperjuangkan oleh SPRM selama ini. Ini jelas terbukti apabila daripada 115 inisiatif yang dicadangkan, sejumlah 34 inisiatif (29.6%) di mana SPRM berperanan sebagai agensi peneraju. NACP ini merupakan satu platform terbaik untuk memperkasakan usaha pencegahan rasuah yang lebih menyeluruh di negara ini agar dengan meletakkan kembali agenda *governance*, integriti dan antirasuah berada di landasan yang sebenar.

Di samping itu, di peringkat SPRM setakat ini, Alhamdulillah, segala inisiatif untuk memperkasakan SPRM yang telah saya bantangkan kepada Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR), telah diterima baik oleh pihak kerajaan.

Antara yang boleh saya sebut adalah untuk mengiktiraf kewujudan SPRM di bawah Perlembagaan Persekutuan. SPRM telah mencadangkan agar satu Suruhanjaya Perkhidmatan yang khusus dikenali sebagai Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah diwujudkan bagi melaksanakan proses *hiring and firing* ke atas Pegawai Suruhanjaya yang mana pada ketika ini segala urusan pelantikan dan penamatan Pegawai SPRM dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Turut dipersetujui pada dasarnya oleh kerajaan adalah berhubung pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM di bawah Perlembagaan Persekutuan. Ini sebenarnya bagi mengiktiraf serta bagi mengangkat status pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang selama ini dibuat melalui peruntukan Akta SPRM sahaja. Pelantikan Ketua Pesuruhjaya di bawah Perlembagaan Persekutuan ini akan menjadikan kedudukannya setaraf

melalui Pilihan Raya dan oleh Pegawai Kerajaan di Gred Jusa C ke atas. Peruntukan kesalahan baharu dan penambahbaikan ke atas peruntukan sedia ada akan memperkukuhkan lagi usaha SPRM dalam memastikan jenayah rasuah dapat dibanteras dengan lebih efektif dan proaktif.

Sokongan kerajaan terhadap inisiatif yang dicadangkan SPRM itu tidak terhad dalam aspek perundangan semata-mata. Sebaliknya JKKMAR juga telah bersetuju supaya keanggotaan Pegawai SPRM ditambah seramai 500 orang untuk tempoh lima tahun akan datang. Alhamdulillah, waran perjawatan bagi 100 orang yang pertama telah pun SPRM terima pada awal bulan Mei 2019 yang lepas. Bagi memastikan kestabilan dalam sumber kewangan yang diperuntukkan kepada SPRM, kerajaan juga pada dasarnya telah bersetuju dengan cadangan SPRM supaya bajet tahun semasa SPRM hendaklah tidak kurang dari tahun



dengan Ketua Audit Negara, Peguam Negara dan Hakim-hakim yang dilihat berfungsi dengan lebih bebas. Bagi memastikan persepsi yang lebih baik berhubung dengan pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM itu, JKKMAR turut bersetuju supaya kaedah pelantikan sedia ada ditambah baik dengan memasukkan peranan Jawatankuasa Parlimen dalam membuat pengesyoran kepada Perdana Menteri calon-calon Ketua Pesuruhjaya sebelum diangkat untuk perkenan Yang di-Pertuan Agong.

Kedua-dua cadangan pindaan yang telah dinyatakan ini sebenarnya menyokong hasrat yang terdapat dalam manifesto kerajaan sedia ada dalam mengiktiraf kewujudan SPRM di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Dalam pada itu, bagi memperkasakan usaha mencegah rasuah, JKKMAR turut bersetuju agar pindaan dilakukan ke atas Akta SPRM 2009 dengan memasukkan beberapa peruntukan kesalahan baharu seperti *Misconduct in Public Office*, *Beneficial Ownership*, dan sabotaj ekonomi serta mengadakan beberapa peruntukan baharu seperti peratusan tertentu dari harta yang dirampas melalui keputusan Mahkamah dikembalikan kepada SPRM, memperuntukkan hukuman penjara minimum ke atas mereka yang telah disabitkan kesalahan dan kewajipan perisytiharan harta oleh kalangan ahli politik yang telah dipilih

sebelumnya. Kedua-dua cadangan yang telah dipersetujui ini adalah bagi memastikan jenayah rasuah dapat digempur secara habis-habisan dengan keanggotaan dan peruntukan kewangan yang secukupnya.

**SPRM pernah melancarkan transformasi operasi dan pencegahan antara 2011-2015 dan telah membuahkan hasil perubahan yang sungguh memberangsangkan. Adakah sebarang usaha seumpama yang akan dilancarkan di bawah pimpinan Dato' Sri?**

Kita telah berjaya antaranya dari segi transformasi operasi di mana saya menerajui satu transformasi pada 2012 dan mengenalpasti masalah sebenar pada masa itu. Antara masalah yang dikenal pasti adalah mendapat *feedback* ataupun persepsi negatif oleh masyarakat. Antaranya adalah siasatan lambat dan hasilnya, peratusan kes yang dibawa ke mahkamah adalah kurang memuaskan dan memberangsangkan. Masalah yang kedua adalah persepsi masyarakat bahawa pegawai SPRM ni seseorang *brutal* dalam menjalankan siasatan dan juga semasa sesi temuduga. Yang ketiga adalah masalah pegawai kita dari segi kompetensi menjalankan siasatan seperti kemahiran dalam hal-hal *money trail* dan forensik akaun. Dan yang keempat, masalah dalaman iaitu ramai pegawai SPRM mengadu



terutamanya apabila melibatkan urusan kenaikan pangkat.

Jadi antara beberapa perkara yang kita nampak pada masa itu, dan kita buat post mortem berkenaan isu-isu tersebut. Kita cuba mengambil langkah untuk mengatasi. Jadi untuk masalah yang pertama, kita perkenalkan *Management Team-Based Investigation* (MTI). Kita sediakan Prosedur Operasi Standard (SOP), apa yang perlu dibuat dan kita mula perkenalkan Bilik Gerakan Operasi Siasatan (BGOS). Hasilnya, kerja kita menjadi semakin cepat dan berkesan. Dan apa yang saya boleh katakan ketika itu daripada 30%, hasil kita terus meningkat sehingga 85%.

Yang kedua adalah berkenaan *brutality*. Kita mula perkenalkan *Video Interviewing Room* (VIR). Kita rakam ketika sesi temuduga dijalankan, tempoh masa juga turut dicatat. Kiranya kita ada *three deck* jalan serentak, satu kita boleh beri kepada peguam satu kita beri kepada mahkamah, dan lagi satu kita simpan di SPRM.

Selain itu, antara inovasi yang telah kita buat yang mana baik untuk SPRM dan meningkatkan kapasiti dan dari segi kompetensi adalah pelaksanaan tiga tindakan yang drastik. Yang pertama saya telah menubuhkan Bahagian Forensic Accounting, yang kedua saya tubuhkan Bahagian AMLA. Seterusnya, saya pergi ke universiti-universiti awam seperti UiTM, UKM, dan beberapa universiti lain, saya kumpulkan pelajar tahun akhir dalam bidang accounting dan yang memperoleh 4 pointer, saya kumpulkan mereka yang berminat untuk bekerja dengan SPRM. Kiranya kita terus ikat perjanjian. Selepas tamat kursus selama sembilan bulan, saya terus hantar mereka ke Big Four Accounting Firms iaitu Deloitte, Ernst & Young (EY), KPMG and PricewaterhouseCoopers (PwC). Latih mereka selama dua tahun di sana, buat *forensic accounting*, buat *auditing*, dan apabila mereka balik, mereka jadi *analyst*. Bagi saya, dari segi *money trail*, mengesan akaun, kita memang mempunyai kemahiran yang tidak dapat dinafikan dan saya sangat berbangga dengan kemahiran yang kita ada.

Dari segi keluhan pegawai SPRM yang berkaitan dengan urusan pangkat, kita perkenalkan *assessment* dan *interview*. Dan untuk tahun ini saya perkenalkan satu lagi inovasi untuk pengambilan pegawai SPRM baharu. Antaranya kita buat *assessment* selama dua hari dan markahnya adalah sebanyak 70%. Untuk sesi temuduga adalah hanya sebanyak 30%. Apa yang saya ingin jelaskan, selama *assessment* berlangsung selama dua hari, kita boleh melihat dan menilai calon yang kita nak ambil. Contohnya, perwatakan dia. Cara dia bercakap dan melaksanakan tugas yang diberi.

Jadi, apa yang saya boleh katakan di sini, pelbagai usaha akan sentiasa dilaksanakan demi kebaikan SPRM dan juga masyarakat dalam memastikan kita ke arah membendung rasuah dan salah guna kuasa di negara kita.


#### **Pada hemat Dato' Sri, apakah cabaran yang sedang dihadapi dan bakal ditempuhi oleh SPRM pada tahun-tahun mendatang? Khususnya dari aspek operasi?**

Apa yang boleh saya katakan, cabaran yang sedang dihadapi dan akan sentiasa dihadapi oleh SPRM ialah persepsi masyarakat terhadap SPRM. Ada yang kata SPRM ini bersekongkol dengan kerajaan, ada yang kata kita ini tidak menjalankan tugas dengan

baik dan lain-lain persepsi lagi.

Cabaran sebegini memang tidak boleh dihalang atau dikawal. Tetapi apa yang kita boleh lakukan sebagai pegawai-pegawai SPRM ialah menjalankan tugas dengan betul walau apa cara sekalipun. Kita kembali kepada konsep *'rule of law'*.

Sebagai pegawai SPRM, kita mesti menjalankan tugas dengan betul dan penuh rasa tanggungjawab. Contohnya, ketika kita menjalankan siasatan, kita jangan tengok orang yang disiasat itu siapa, apakah pangkat dia. Menilai dia dari segi apa yang dia ada. Tetapi kita mesti fokus tentang apa yang telah dia lakukan.



#### **Berpandukan slogan baharu SPRM, 'Rasuah Dihina, Maruah Dibina', apa harapan Dato' Sri terutamanya terhadap pegawai-pegawai SPRM dalam melaksanakan tugas?**

'Rasuah Dihina Maruah Dibina'. Sebenarnya slogan ini bukan satu slogan yang baharu. Slogan ini telah digunakan pada suatu ketika dahulu. Saya memang mahukan slogan ini kembali digunakan sebagai slogan terbaharu SPRM.

Hal ini bersesuaian dengan apa yang telah menimpa SPRM dan saya ingin mengembalikan maruah SPRM sebagai satu agensi penguatkuasaan yang hebat di mata dunia. Selain itu, saya ingin mendidik masyarakat di luar sana supaya sentiasa beranggapan bahawa rasuah adalah satu perbuatan yang keji dan jijik.

Oleh itu, saya ingin menyeru kepada pegawai-pegawai SPRM supaya bertekad untuk menjadi yang terbaik dan memegang amanah dengan baik. Saya juga harapkan terbitnya semangat bekerjasama dan membuang sifat buruk serta bersatu hati sesama pegawai dalam melaksanakan segala tugas yang diamanahkan.

Seandainya agensi SPRM itu sudah gah dari segi nama, para pegawai SPRM juga haruslah mencerminkan sikap yang bagus dan menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Saya mahu para pegawai berada di landasan yang betul dan melaksanakan tugas dengan betul dan jujur.

#### **Apakah pandangan Dato' Sri berkenaan pindaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (ASPRM) 2009 dengan penambahan Seksyen 17A Akta SPRM 2009?**

Ini merupakan satu pendekatan yang bagus dalam usaha menurunkan peratus mereka yang mengambil dan memberi rasuah serta membuktikan bahawa SPRM serius dalam isu rasuah dan salah guna kuasa.

Selain itu, antara tujuannya untuk memastikan setiap pihak berkepentingan atau organisasi memahami pelaksanaan peruntukan liabiliti korporat serta mengenai peruntukan undang-undang dalam Seksyen 17A dan berkaitan inisiatif serta langkah pencegahan yang boleh diambil sesebuah organisasi bagi mengelak mereka dikenakan tindakan undang-undang berkaitan liabiliti korporat.

Pada hemat saya, banyak negara luar sudah lama mengamalkan dan melaksanakan liabiliti korporat. Jadi, untuk negara kita yang telah merdeka sejak tahun 1957, pelaksanaan liabiliti korporat ini adalah penting dan mesti dilaksanakan supaya perbuatan rasuah dapat dihalang dan dihentikan secara habis-habisan.



#### **Pada hemat Dato' Sri, apakah persediaan yang bakal dilakukan oleh SPRM sendiri berkenaan pelaksanaan liabiliti korporat yang akan berkuat kuasa pada tahun 2020?**

Antara persediaan yang sedang giat dijalankan adalah *Training Of Trainers* (TOT). TOT ini adalah satu persediaan yang penting supaya menjelang tahun 2020, para pegawai SPRM dapat memberi dan menyampaikan penerangan yang lengkap dan jelas berkenaan liabiliti korporat kepada orang ramai. Sebenarnya sekurang-kurangnya selama dua tahun dan para pegawai juga harus diberi latihan yang mencukupi.

Dalam pada itu, antara persediaan adalah dengan melatih pegawai-pegawai SPRM secara berterusan. Contohnya melibatkan mereka dalam forum, seminar dan penerangan berkenaan liabiliti korporat.

#### **Bangunan Ibu Pejabat SPRM Putrajaya antaranya yang diiktiraf sebagai "The Best Architecture Building in Malaysia" pada tahun 2018. Apa yang Dato' Sri boleh simpulkan tentang pengiktirafan hebat sebegini terhadap SPRM itu sendiri?**

Semestinya saya berasa amat bangga. Lagi-lagi saya merupakan salah seorang pegawai pengurusan tertinggi yang terlibat dari awal ketika proses mencari tapak tanah untuk pembinaan ibu pejabat SPRM.

Apa yang boleh saya katakan, bangunan baharu SPRM dilengkapi dengan semua kemudahan dan memenuhi konsep keselesaan untuk semua staf SPRM termasuklah fasiliti untuk keluarga staf seperti taska turut disediakan.

Selain itu, bangunan SPRM juga melengkapi kehendak berdasarkan hasil pengalaman sebelumnya dan memenuhi keperluan kerana di sekeliling bangunan terdapat balai polis, hospital dan juga balai bomba.

Apabila mendapat pengiktirafan hebat sebegini, saya semakin yakin bahawa bangunan SPRM di mana merupakan agensi penguatkuasaan sememangnya kelihatan unik di mata masyarakat dan menjadi satu kebanggaan buat semua warga SPRM.

#### **Bagi tahun 2019, melalui pencegahan, fokusnya adalah lebih kepada pendidikan. Pada pandangan Dato' Sri sendiri, adakah ini wajar diutamakan bagi memberi pendidikan berkenaan rasuah pada peringkat awal iaitu kanak-kanak di tadika?**

Ya, pada pandangan saya, ini adalah wajar diutamakan bagi memberi pendedahan awal berkaitan rasuah pada peringkat prasekolah seperti kanak-kanak di tadika di seluruh Malaysia.

lainya seperti pelaburan. Untuk mengadakan sesuatu pelaburan, kita mesti bijak mengatur langkah dan strategi supaya tidak rugi pada masa akan datang. Bagi saya, dalam hal ini, kita mesti fokus kepada sasaran yang tepat dan betul dari awal lagi. Hal ini juga wajar dilaksanakan untuk menghidupkan dan menyuburkan perasaan benci kepada rasuah pada awal peringkat pendidikan kanak-kanak. Bak kata orang, melentur buluh biarlah dari rebungunya.

Untuk menjayakan strategi ini, semestinya kita memerlukan sokongan dan kerjasama daripada banyak pihak. Antaranya Kementerian Pendidikan Malaysia. Apa yang boleh saya simpulkan, perancangan ini adalah untuk kebaikan semua dan untuk jangka masa panjang. Hal ini juga sebenarnya telah diusulkan di dalam parlimen dan apa yang kita harapkan kabinet akan meluluskan usul ini pada masa hadapan.

#### **Apakah harapan dan peringatan yang Dato' Sri ingin sampaikan kepada masyarakat di luar sana dalam kata-kata tidak kepada rasuah dan salah guna kuasa?**

Saya berharap agar masyarakat Malaysia sentiasa sehati sejiwa bersama SPRM, wajib bekerjasama dengan SPRM. Dari semua aspek seperti memberi informasi, bekerjasama sewaktu siasatan dijalankan dan sama-sama memberi sokongan.

Masyarakat di luar sana kena ingat, ini semua adalah untuk masyarakat dan negara. Sekiranya mereka sama-sama ikhlas membantu, akhirnya mereka juga akan dapat kebaikan pada masa akan datang. Demi kebaikan anak cucu kita semua juga.



# Lensa



## Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023

Putrajaya, 29 Januari - Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 sebagai salah satu inisiatif kerajaan dalam merealisasikan manifesto kerajaan ke arah negara bebas rasuah dan berintegriti.



## Taklimat Khas Kepada Setiausaha Politik, Setiausaha Sulit Kanan, Setiausaha Sulit Dan Setiausaha Akhbar Pejabat Menteri Dan Timbalan Menteri

Putrajaya, 14 Februari - Taklimat tersebut dilaksanakan untuk memberi penerangan berkenaan kesalahan-kesalahan lazim yang berlaku di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang melibatkan setiausaha-setiausaha yang dilantik.

Turut diselitkan penerangan berkaitan Perisytiharan Harta oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Tuan Ruslan bin Tuan Mat.



## Majlis Perasmian Kompleks SPRM Negeri Selangor

Selangor, 26 Mac - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj mencemar duli merasmikan Kompleks Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor.

Turut berkenan berangkat ke majlis tersebut termasuklah Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.



## Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan 2018

Putrajaya, 27 Mac - Seramai 217 pegawai dan kakitangan SPRM menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018 bertempat di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya. Anugerah Ketua Pesuruhjaya (AKPj) turut disampaikan kepada pasukan Task Force 1MDB dari Bahagian Siasatan menerusi projek Ops 2.6b.





### WAR Peringkat MRSM 2019

Sabah, 16 April - Program Wira Antirasuah peringkat MRSM 2019 telah berlangsung di MRSM Tun Muhamad Fuad Stephens (TMFS) Sandakan, Sabah.

Antara pengisian program adalah taklimat pencegahan rasuah kepada guru dan pentadbir, Modul WAR bersama seramai 630 pelajar dari Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4 serta pelbagai aktiviti berkumpulan.



### Majlis Melafaz dan Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah

Seremban, 30 Januari - Seramai 11 ahli dan tiga ahli rasmi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan telah melafazkan IBR yang diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun sambil disaksikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil yang berlangsung di Bilik Gerakan, Wisma Negeri.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Pengarah SPRM negeri Sembilan, KPKPj Hairuzam Mohamad Amin@Hamim dan Setiausaha Kerajaan negeri, Datuk Dr. Razali Ab. Malik.



### Minggu Integriti LADA 2019

Langkawi, 24 April - Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM telah berkolaborasi bersama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) bersempena Minggu Integriti LADA 2019 dengan mengadakan program pencegahan rasuah dan *integrity walkabout* kepada semua pegawai dan kakitangan, para peserta dan juga pelancong asing di Langkawi.



## Lensa



### Pengarah SPRM Kedah Menjunjung Kasih Ke bawah DYMM Sultan Kedah

Alor Setar, 31 Mac - Bertempat di Wisma Darul Aman, Pengarah SPRM Negeri Kedah baharu, Dato' Shaharom Nizam Abd Manap diiringi Timbalan Pengarah Pencegahan SPRM Negeri Kedah, KPKPj Mustafa Kamal bin Ahmad, Timbalan Pengarah Operasi SPRM Kedah, PKPj Ting Ing Ping dan Ketua Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Kedah, Ps Mohd Zaini Bin Hassan menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah yang merupakan Sultan Kedah ke-29.

### Konvensyen Mahasiswa Antirasuah (KoMawAr) Zon Timur 2019

Terengganu, 20 April - Program yang berlangsung di Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Shamshun Baharin Mohd Jamil.

Antara pengisian program adalah sesi 'Executive Talk' yang bertajuk "Rasuah dan Cabaran Generasi Baharu", persembahan-persembahan bermesej iaitu persembahan Qasidah, Teater, Akustik Bermesej dan Dikir Barat, Sesi Kahoot dan acara kemuncak iaitu Lafaz Sumpah Keramat Mahasiswa Perangi Rasuah turut berlangsung pada sesi tersebut.



### Seminar Bicara Integriti Kerjasama SPRM & PDRM

Putrajaya, 18 April - Program yang berlangsung di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya merupakan kerjasama antara SPRM dan PDRM yang melibatkan pegawai dan anggota PDRM seluruh Kontinjen PDRM Kuala Lumpur serta bahagian-bahagian di bawahnya termasuk IPD Putrajaya, IPD Dang Wangi, IPD Brickfields, IPD Sentul dan IPD Wangsa Maju.

Antara pengisian program ialah ceramah bertajuk Integriti Dalam PDRM dan Tumbuk Rusuk, Duit Panadol.





SEKSYEN 17A, AKTA SPRM

## LIABILITI KORPORAT

KPKPj Mohamad Tarmize Abdul Manaf

Melalui Seksyen 17A Akta SPRM 2009, organisasi komersial mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau kakitangannya terlibat dengan jenayah rasuah. Peruntukan ini juga dikenali sebagai 'liabiliti korporat' yang bertujuan menggalakkan syarikat untuk mewujudkan polisi dan usaha pencegahan rasuah dalam organisasi mereka.

### SEKSYEN 17A AKTA SPRM 2009

#### Seksyen 17A Akta SPRM 2009 berbunyi:

(1) Suatu organisasi komersial melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial itu secara rasuah memberikan, bersetuju untuk memberikan, menjanjikan atau menawarkan kepada mana-mana orang apa-apa suapan sama ada bagi faedah orang itu atau bagi faedah orang lain dengan niat -

- (a) untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial itu; atau
- (b) untuk memperoleh atau mengekalkan faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

Bagi mereka yang tidak mempunyai latar belakang undang-undang, mungkin pernyataan ini agak mengelirukan. Secara mudahnya, Seksyen 17A Akta SPRM 2009 menyatakan bahawa kesalahan rasuah oleh organisasi komersial berlaku apabila:

- seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial
- memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menjanjikan atau menawarkan rasuah
- bertujuan untuk memperoleh apa-apa projek atau kontrak bagi organisasi komersial itu; atau untuk memperoleh apa-apa faedah dalam menjalankan perniagaan bagi organisasi komersial itu.

### ORGANISASI KOMERSIAL DAN SESEORANG YANG BERSEKUTU

Terma 'organisasi komersial' menjelaskan jenis organisasi yang tertakluk kepada Seksyen 17A Akta SPRM 2009. Peruntukan ini tidak menggunakan istilah 'syarikat' kerana skopnya adalah lebih luas. Secara ringkasnya, terdapat empat kategori organisasi yang didefinisikan sebagai 'organisasi komersial' iaitu organisasi yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016; perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian 1961; perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; dan syarikat luar negara yang menjalankan perniagaan di Malaysia.

Sekiranya anda tertanya-tanya sama ada sesebuah organisasi itu boleh didakwa di bawah Seksyen 17A Akta SPRM 2009, anda perlu melihat kepada pendaftaran organisasi tersebut.

Terma kedua iaitu 'seseorang yang bersekutu dengan organisasi komersial' pula menjelaskan siapa individu yang mana perbuatan rasuah mereka itu boleh menyebabkan organisasi didakwa. Undang-undang mendefinisikan individu ini kepada dua kategori. Pertama, individu yang berada dalam organisasi dan mempunyai hubungan langsung dengan organisasi iaitu pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi. Kategori kedua, individu yang melaksanakan perkhidmatan bagi pihak organisasi komersial tersebut. Contohnya, perunding kepada organisasi atau 'orang tengah' yang dilantik oleh organisasi.

### HUKUMAN DAN SIAPA YANG TERLIBAT?

Menjadi persoalan dan ketakutan kepada industri adalah

siapa yang akan dihukum sekiranya organisasi komersial didakwa dan didapati bersalah. Secara ringkasnya, hukuman boleh dikenakan kepada (1) individu yang melakukan rasuah; (2) pengurusan organisasi yang mengarahkan atau membenarkan perlakuan rasuah itu dibuat; dan (3) organisasi komersial itu sendiri.

“Melalui Seksyen 17A Akta SPRM 2009, organisasi komersial juga mempunyai liabiliti dan boleh dihukum sekiranya pekerja atau kakitangannya terlibat dengan jenayah rasuah.”

Hukuman bagi kesalahan rasuah oleh organisasi komersial diperuntukkan melalui Seksyen 17A(2) Akta SPRM 2009. Sekiranya didapati bersalah, organisasi komersial atau individu yang terlibat boleh didenda tidak kurang 10 kali ganda nilai suapan, atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi; atau dipenjarakan tidak melebihi 20 tahun; atau kedua-duanya sekali.

### MENGELAKKAN LIABILITI KORPORAT

Tiada organisasi yang mahu didakwa di mahkamah kerana jenayah rasuah yang dilakukan oleh pegawai atau kakitangan mereka. Mudah sahaja untuk mengelakkan pendakwaan. Organisasi komersial mesti menjalankan perniagaan dengan jujur dan memastikan warga mereka tidak menggunakan rasuah untuk mendapat keuntungan.

Seperti frasa Inggeris, "easier said than done", realiti dunia perniagaan tidak semudah itu. Tekanan persekitaran perniagaan dan desakan ekonomi menyebabkan aktiviti rasuah terus dilakukan.

Seperti yang dijelaskan, sesebuah organisasi komersial akan didakwa sekiranya membenarkan pegawai atau kakitangan mereka menggunakan rasuah untuk memperoleh sesuatu projek atau mendapat apa-apa faedah. Jika didakwa, organisasi komersial masih boleh terlepas daripada hukuman. Bagaimana? Organisasi komersial terbabit mesti membuktikan bahawa usaha yang mencukupi untuk mencegah jenayah rasuah telah dilaksanakan.

Seksyen 17A(5) Akta SPRM 2009 menyatakan, Menteri akan mengeluarkan garis panduan berkaitan tatacara atau usaha yang boleh dilaksanakan oleh organisasi komersial untuk mengelakkan pendakwaan kerana kesalahan ini.

Pada 10 Disember 2018, YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan Garis Panduan Tatacara Mencukupi seperti mana yang dikehendaki di bawah Seksyen 17A(5) Akta SPRM 2009. Garis panduan ini menetapkan lima prinsip asas sebagai usaha mencegah rasuah dalam organisasi komersial. Dikenali dengan akronim T.R.U.S.T, prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:

#### Prinsip pertama:

##### Komitmen pengurusan atasan (Top level commitment)

Pengurusan organisasi mesti komited dan menzahirkan komitmen mereka dalam usaha mencegah rasuah. Mereka mesti memberi jaminan kepada pemegang taruh (stakeholders) bahawa organisasi akan sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa berkaitan rasuah. Paling penting adalah kesediaan pengurusan untuk memperuntukkan belanjawan yang mencukupi dan sumber manusia yang kompeten bagi memastikan agenda peningkatan integriti, tadbir urus dan pencegahan rasuah dapat dilaksanakan.

#### Prinsip kedua:

##### Analisa risiko (Risk assessment)

Risiko rasuah wujud berpunca daripada pelbagai faktor, terutamanya akibat kelemahan sistem dan prosedur. Dari semasa ke semasa, organisasi mesti melaksanakan penilaian terhadap risiko, seterusnya melaksanakan usaha penambahbaikan. Garis panduan ini mencadangkan agar penilaian risiko dibuat setiap tiga tahun.

#### Prinsip ketiga:

##### Pelaksanaan langkah kawalan (Undertake control measures)

Organisasi komersial perlu mewujudkan langkah kawalan dan kontingensi yang munasabah dan bersesuaian dengan sifat serta saiz organisasi bagi menangani sebarang risiko rasuah. Organisasi mesti merangka polisi dan prosedur untuk menangani percanggahan kepentingan (conflict of interest); pelaksanaan due-diligence dalam proses pelantikan pembekal atau kontraktor; polisi mengenai sumbangan dan penajaan termasuk sumbangan politik; polisi dan prosedur bagi menggalakkan pelaporan rasuah dan salah laku; dan polisi berhubung bayaran kemudahan (facilitation payment). Paling penting adalah setiap pelaksanaan polisi, prosedur dan inisiatif antirasuah mesti didokumentasikan.

#### Prinsip keempat:

##### Pemantauan, penilaian dan penguatkuasaan secara sistematik (Systematic review, monitoring and enforcement)

Organisasi komersial mesti melaksanakan penilaian dan penambahbaikan berterusan terhadap polisi, prosedur serta inisiatif antirasuah. Organisasi perlu melantik



individu yang kompeten untuk membuat audit dalaman inisiatif antirasuah. Dicadangkan agar organisasi melantik juruaudit luar untuk tujuan yang sama. Mendapatkan pensijilan MS ISO 37001: *Anti-Bribery Management System* merupakan salah satu inisiatif yang boleh dilaksanakan. Pemantauan terhadap pegawai dan kakitangan merupakan perkara yang amat penting. Sekiranya terdapat individu yang terlibat dengan rasuah dan salah laku, tindakan tegas mesti dikenakan terhadap mereka.

**Prinsip kelima:**

**Latihan dan komunikasi (Training and communication)**

“ Pemantauan terhadap pegawai dan kakitangan merupakan perkara yang amat penting dalam sesuatu organisasi. Organisasi komersial disarankan untuk melaksanakan penilaian dan penambahbaikan berterusan terhadap polisi, prosedur serta audit dalaman yang sesungguhnya wajib dirangkumkan dalam inisiatif antirasuah. ”

Polisi, prosedur dan inisiatif antirasuah yang dilaksanakan mesti dihebahkan kepada semua warga organisasi. Program kesedaran dan latihan mengenai pencegahan rasuah mesti dilaksanakan secara berterusan.

## KESALAHAN RASUAH OLEH SYARIKAT

### - Contoh kes di luar negara

Di luar negara, peruntukan undang-undang mengenai kesalahan rasuah oleh organisasi komersial bukan sesuatu yang baharu. Contohnya, peruntukan ini wujud dalam *UK Bribery Act 2010* dan *Foreign Corrupt Practices Act 1977 (FCPA)* di Amerika Syarikat. Malah, Seksyen 17A Akta SPRM 2009 banyak mengadaptasi Seksyen 7 UK Bribery Act 2010. Elok kita melihat beberapa kes melibatkan syarikat yang terkesan akibat jenayah rasuah yang dilakukan oleh pegawai dan kakitangan mereka.

### Sweett Group PLC

Sweett merupakan penyedia perkhidmatan profesional dalam sektor pembinaan di United Kingdom. Siasatan *Serious Fraud Office (SFO)* ke atas Sweett bermula sekitar Jun 2014. Siasatan mendapati anak syarikat Sweett di Timur Tengah iaitu *Cyril Sweett International Limited* telah membuat bayaran rasuah kepada pegawai kanan *Al Ain Ahlia Insurance Company*.

Rasuah bertujuan memenangi kontrak khidmat perundingan bagi pembinaan Hotel Rotana di Abu Dhabi.

Pada Disember 2015, Sweett mengaku bersalah kerana gagal melaksanakan usaha pencegahan rasuah seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 7(1)(b) UK Bribery Act 2010. Pada 19 Februari 2016, *Southwark Crown Court* mendenda Sweett sebanyak £2.25 juta. Mahkamah jugamengarahkan Sweett menanggung kos siasatan SFO sebanyak £95,000.



Sweett menjadi syarikat pertama yang didakwa di mahkamah dan disabitkan hukuman di bawah undang-undang liabiliti korporat di negara itu.

### Skansen Interiors Limited

Skansen adalah syarikat kecil yang menjalankan kerja-kerja membaiki pulih pejabat. Skansen hanya mempunyai 30 pekerja dan tidak aktif sejak tahun 2014. Skansen didakwa apabila bekas Pengarah Urusannya, Stephen Banks merasuah bekas Pengurus Projek DTZ *Debenham Tie Leung, Graham Deakin*. Bayaran rasuah berjumlah £10,000 bertujuan memenangi kontrak membaiki pulih dua pejabat di kota London bernilai £6 juta.

Berbeza dengan Sweett Group PLC yang didakwa dan mengaku bersalah, Skansen didakwa di mahkamah dan menghadapi perbicaraan penuh di bawah Seksyen 7 UK Bribery Act 2010. Pada 21 Februari 2018, *Southwark Crown Court* mensabitkan Skansen dengan kesalahan rasuah. Mahkamah mendapati Skansen gagal melaksanakan

usaha mencukupi bagi mencegah berlakunya rasuah. Walaupun disabitkan, mahkamah tidak mengenakan sebarang penalti terhadap Skansen. Keputusan tersebut dibuat keranasyarikat itu tidak aktif dan tidak mempunyai sebarang aset.

Ironinya, perbuatan rasuah dalam syarikat Skansen dilaporkan sendiri oleh pengurusan baharu Skansen. Malah, pengurusan Skansen memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa semasa proses siasatan.

Walaupun begitu, mahkamah tidak menganggap laporan rasuah yang dibuat itu sebagai usaha mencukupi untuk mencegah rasuah.

### Standard Bank

Standard Bank disiasat oleh *Serious Fraud Office (SFO)* apabila anak syarikatnya, *Stanbic Bank Tanzania* dikatakan memberi rasuah USD6 juta kepada sebuah syarikat *Tanzania, Enterprise Growth Market Advisors (EGMA)*. Rasuah yang dibayar sekitar bulan Mac 2013 bertujuan memujuk pegawai kerajaan Tanzania supaya membuat pinjaman USD600 juta daripada *Stanbic Bank*. Hasil pinjaman tersebut, *Stanbic Bank* dan *Standard Bank* akan berkongsi caj yuran berjumlah USD8.4 juta.

Siasatan mendapati pengerusi EGMA juga adalah ketua agensi percukaian kerajaan iaitu *Tanzania Revenue Authority*. Wang USD6 juta yang dimasukkan ke dalam akaun EGMA telah dikeluarkan melalui empat transaksi

tunai dalam tempoh 10 hari.

Pada 30 November 2015, Standard Bank bersetuju membayar penalti US\$32.2 melalui *Deferred Prosecution Agreement (DPA)*. Standard Bank juga dikehendaki membayar kos siasatan dan pengurusan DPA kepada SFO berjumlah £330,000.

Standard Bank adalah organisasi pertama yang bersetuju memasuki prosiding DPA bagi mengelakkan pendakwaan di bawah *UK Bribery Act 2010*.

### Rolls-Royce

*Rolls-Royce* didakwa membayar jutaan pound bagi memperoleh kontrak kejuruteraan awam dan ketenteraan di beberapa buah negara. Rasuah dibayar oleh pegawai *Rolls-Royce* sendiri atau melalui orang tengah, dari tahun 1999 sehingga 2013.

Pada Januari 2017, melalui prosiding *Deferred Prosecution Agreement (DPA)*, *Rolls-Royce* bersetuju membayar penalti sebanyak £671 juta bagi mengelakkan pendakwaan oleh pihak berkuasa United Kingdom, Amerika Syarikat dan Brazil. Walaupun *Rolls-Royce* telah dikenakan penalti, perkara itu tidak menghalang individu yang terlibat didakwa di mahkamah.

Pada November 2018, tiga bekas pegawai *Rolls-Royce* dan seorang pekerja syarikat perunding yang bertindak bagi pihak *Rolls-Royce* mengaku bersalah atas dakwaan rasuah. Turut didakwa adalah 'orang tengah' yang dilantik oleh *Rolls-Royce*.



# PELAN ANTIRASUAH NASIONAL (NACP) 2019-2023

## ASPIRASI NASIONAL

Malaysia Dikenali Kerana Integriti dan Bukannya Rasuah

## VISI

### KE ARAH NEGARA BEBAS RASUAH

## MISI



Menegakkan Kedaulatan Undang-Undang



Meningkatkan Kecekapan, Ketelusan dan Akauntabiliti Kerajaan Berasaskan Tadbir Urus Baik



Mewujudkan Persekitaran Perniagaan Yang Bersih

## MATLAMAT



Akauntabiliti dan Kredibiliti Kehakiman, Pendakwaan dan Agensi Penguatkuasa Undang-undang



Kecekapan dan Responsif dalam Penyampaian Perkhidmatan



Integriti Dalam Perniagaan

## BIDANG KEUTAMAAN

- 1 Tadbir Urus Politik
- 2 Pentadbiran Sektor Awam
- 3 Perolehan Awam
- 4 Perundangan dan Kehakiman
- 5 Penguatkuasaan Undang-Undang
- 6 Tadbir Urus Korporat

## ENAM STRATEGI UTAMA

1

Memperkuh Akauntabiliti dan Integriti Politik

2

Memperkuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam

3

Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Awam

4

Mempertingkatkan Kredibiliti Sistem Perundangan dan Kehakiman

5

Menginstitusikan Kredibiliti Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang

6

Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat

NACP menyatakan sektor perolehan sebagai sektor paling terdedah dengan rasuah

**42.8%** aduan yang diterima oleh SPRM adalah berkaitan dengan perolehan.



NACP mengenalpasti bahawa **campur tangan politik** sebagai salah satu **halangan utama** dalam membanteras rasuah.

Sumber : Buku Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023

## PEROLEHAN BERMASALAH!

**239** dari **588** unit peralatan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran **tidak berfungsi**



Di UniMAP, 50 dokumen bernilai **RM59.36 juta** ditandatangani oleh Naib Canselor dan Bendahari **tanpa kebenaran**



Sumber : Laporan Ketua Audit Negara 2017, Siri 2

## BAGAIMANA NACP MENAMBAH BAIK AMALAN SEKTOR PEROLEHAN?

### Akta Perolehan Kerajaan

Ketelusan dan Akauntabiliti

1 Tender terbuka sebagai kaedah utama untuk perolehan

### Penguatkuasaan Undang-undang yang baik

2 Memberi SPRM dan agensi lain kebebasan dalam menyiasat kes rasuah

### Memperkenalkan Mekanisma Aduan

3 Membenarkan pihak yang teraniaya melaporkan salah guna kuasa yang berlaku dalam proses perolehan.



# PUTUSKAN RANTAIAN RASUAH

KATAKAN **TIDAK** PADA RASUAH



**RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA**

 @sprm.community

 www.sprm.gov.my

 www.youtube.com/user/ODVMACC

 SPRM Community

 1 800 88 6000

 www.flickr.com/photos/ourdifferentview

 @sprmcommunity

 www.macc.fm



**RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA**

 @sprm.community

 www.sprm.gov.my

 www.youtube.com/user/ODVMACC

 SPRM Community

 1 800 88 6000

 www.flickr.com/photos/ourdifferentview

 @sprmcommunity

 www.macc.fm

## HARAPAN KEPIMPINAN

*Thoughts of Leadership*

“  
Komitmen Kerajaan adalah untuk mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.  
*The Government's commitment is to achieve the aspiration for Malaysia to be known for her integrity and not corruption.*  
”

**YAB Tun Dr Mahathir bin Mohamad**  
Perdana Menteri Malaysia  
*Prime Minister Of Malaysia*





## DIKIR BARAT BERMESEJ 'BEBAS RASUAH' 2019 DAPAT SAMBUTAN LUAR BIASA



Kelantan, 27 April - Satu pertandingan dikir barat di bawah kelolaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (JKKN), Jabatan Penyiaran Kelantan, Persatuan Kebajikan Penggiat Seni Kelantan dan Akademi Integriti Negara telah diadakan di Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Kelantan.

Program tersebut telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dari masyarakat tempatan. Auditorium tersebut telah dilimpahi 1200 penonton meskipun kapasiti tempat duduk dewan hanya boleh menampung sehingga 1000 penonton.

Sebanyak empat daripada 19 kumpulan telah disaring dan dipilih ke Pertandingan Akhir Dikir Barat 'Bebas Rasuah' 2019. Penyertaan pasukan bukan sahaja dari kalangan penggiat seni tempatan malahan turut disertai juga oleh kumpulan dikir dari Terengganu dan Kuala Lumpur.

Dikir barat yang dipertandingkan disyaratkan untuk menerapkan mesej antirasuah dengan tema "Rasuah Dihina, Maruah Dibina". Setiap kumpulan terutamanya Tukang Karut dan Tok Jogho telah menampilkan pelbagai gaya dan kreativiti dalam persembahan masing-masing dan seterusnya menarik perhatian penonton.

## KEMBARA ILMUWAN #19 – BENGKEL WACANA INTEGRITI BERSAMA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA 2019

Melaka, 11 Mac - SPRM Melaka maju selangkah lagi apabila kerjasama bersama Jabatan Pendidikan Negeri Melaka (JPNM) kini memasuki fasa membina platform kursus atas talian (online) mengenai Pendidikan Rasuah bagi guru-guru di Negeri Melaka.

Sistem eP-Mabls merupakan satu platform pembelajaran persekitaran maya bagi warga JPNM untuk meningkatkan ilmu dan kefahaman melalui pembelajaran yang bercirikan Bestari iaitu pembelajaran yang terarah sendiri, kadar sendiri, capaian sendiri dan penilaian sendiri. Akronim SeDAAP ialah singkatan bagi *Self Directed, Self Access, Self Assess & Self Pace*.

eP-MABLS ialah singkatan bagi e-Pembelajaran Melaka *Autonomous Blended Learning System* atau secara mudahnya e-Pembelajaran Ayuh Belajar Sendiri.

SPRM Melaka amat bertuah kerana sistem eP-MABLS yang telah diperkenalkan oleh Tuan Pengarah JPNM ini satu-satu



Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya Malaysia (MOTAC), Datuk Isham Ishak.

Pasukan Gerbang Ranjuna menewaskan tiga pasukan untuk muncul sebagai juara dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM5,000 dan piala, manakala tempat kedua, ketiga serta keempat disandang oleh Sirat Astarjina, Bujang Laksamana serta Anak Tani dengan masing-masing menerima hadiah wang tunai RM3,000 dan piala, RM1,000 serta RM800.

Bagi Anugerah Khas untuk Tukang Karut terbaik ialah Sirat Astagina, Tok Jogho Terbaik disandang oleh Gerbang Ranjuna dan Persembahan Terbaik ialah Bujang Laksamana.

Pertandingan dikir barat 'Bebas Rasuah' 2019 ini juga turut disiarkan secara langsung melalui Radio Kelantan.fm.



seumpamanya di dalam Malaysia bagi memudahkan guru-guru di Negeri Melaka mengikuti kursus wajib di samping kursus atas talian yang diperkenalkan oleh INTAN melalui ePSA.

Slot Pendidikan Rasuah ini akan berjalan selama sebulan sebagai *dry run programme* dan hasil awal boleh dilihat seawal hujung April 2019.

## BERITA UTAMA

## SPRM TERENGGANU LAKAR SEJARAH SEBAR LUAS MESEJ ANTIRASUAH DI PAWAGAM



Terengganu, 23 Mac - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia negeri Terengganu telah melangkah setapak ke hadapan dalam usaha-usaha menyebarkan mesej antirasuah terhadap masyarakat umum dengan menggunakan platform pawagam sebagai mekanisma baharu.

SPRM Terengganu dengan kerjasama Lotus Five Star (Malaysia) Sdn. Bhd (LFS) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) Terengganu akan menyampaikan mesej benci rasuah melalui tayangan video pendek yang akan dipaparkan di layar perak sebelum setiap tayangan filem di pawagam LFS Cinema Kuala Terengganu.

Inisiatif yang julung kali diadakan ini adalah untuk memupuk dan membudayakan nilai-nilai integriti dan membenci rasuah di kalangan masyarakat terutamanya warga Terengganu yang menonton wayang di LFS Cinema Kuala Terengganu.

Selaras dengan dasar SPRM, 'Rasuah Dihina Maruah Dibina' inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman fungsi dan bidang kuasa serta tugas SPRM kepada rakyat.

Majlis Perasmian dan Pelancaran Tayangan Video Pendek (PSA) antirasuah anjuran SPRM Terengganu dengan kerjasama LFS Cinema dan KDN yang berlangsung di Dewan Premier 2, Aras 7A LFS cinema Kuala Terengganu, dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki.

Datuk Seri Azam ketika menyampaikan ucapan perasmian merakamkan penghargaan kepada LFS dan KDN kerana menyediakan ruang dan peluang kepada SPRM untuk melaksanakan fungsi untuk mendidik masyarakat menerusi mesej antirasuah.

Jumlah penonton yang mengunjungi pawagam LFS Cinema di seluruh negara bagi tahun 2018 adalah 2.6 juta orang dengan anggaran 220,000 orang setiap bulan.

LFS Cinema Kuala Terengganu merupakan Rakan Strategik SPRM Terengganu, pernah bersama-sama menjayakan program Jalan Tolak Rasuah 2018 (JJTR 2018) selain memaparkan video pendek (PSA) pada Digital Billboard yang terletak di kaunter tiket utamanya tanpa kos.

## CIP DIBERI NAFAS BAHARU DENGAN STRATEGI YANG LEBIH SIGNIFIKAN

Putrajaya, 9 April - Ikrar Integriti Korporat atau *Corporate Integrity Pledge (CIP)* sebagai satu langkah efektif dalam usaha pencegahan rasuah melibatkan organisasi ataupun syarikat.

Inisiatif di bawah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) dilihat sebagai persediaan awal bagi organisasi komersial untuk melaksanakan undang-undang mengenai Liabiliti Korporat (*Corporate Liability*) dalam memastikan organisasi atau syarikat bebas daripada gejala rasuah. Undang-undang tersebut memerlukan syarikat untuk memastikan tatacara mencukupi bagi membudayakan integriti dalam usaha pencegahan rasuah.

Majlis 'Soft Launch' CIP yang berlangsung di Auditorium, Ibu Pejabat SPRM dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Dato' Shamshun Baharin Mohd. Jamil. Dato' Shamshun Baharin ketika menyampaikan ucapan berkata, program CIP merupakan *tools* yang dilaksanakan secara sukarela yang membantu organisasi atau syarikat melalui polisipolis pencegahan rasuah bersesuaian yang disyorkan oleh SPRM untuk sektor swasta.

Pada majlis tersebut, dua taklimat telah disampaikan iaitu Pengenalan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 iaitu Kesalahan oleh Organisasi Komersial oleh KPKJ Mohamad Khairol Mohamad dan CIP oleh KPKJ Salwa Muharam.

Turut hadir Pengarah BPMP, Datuk Abd. Aziz Aban, *Director Sustainability*, Bursa Malaysia, Emilia Tee Yoke Hoong serta Eksekutif Kanan Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Mohamad Zainal Abidin Ahmad, enam wakil Portal *Corporate Integrity System Malaysia* serta 46 peserta dari 30 syarikat terpilih.





## INTEGRITY : GO NATURE - PROGRAM KONSERVASI TANAH LEMBAP



Kuching, 23 Februari - SPRM Sarawak dengan kerjasama Unit Integriti Dan Ombudsman Negeri (UNION), Jabatan Ketua Menteri Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak telah mengadakan program 'Integrity : Go Nature'. Program tersebut telah diadakan di Taman Negara Kuching Wetland bersempena dengan Hari Tanah Lembap Sedunia 2019 dan juga Ulang Tahun Ke-100 Jabatan Hutan Sarawak dan juga Ulang Tahun Pertama UNION.

Aktiviti utama yang dilaksanakan ialah penanaman anak pokok bakau di sekitar Tapak Ramsar.

Dalam program tersebut, turut diselitkan taklimat berkaitan kepentingan menjaga hutan bakau yang disampaikan oleh pegawai dari Jabatan Hutan Sarawak. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Di Jabatan Ketua Menteri (Integriti & Ombudsman) Sarawak, Datuk Haji Talib bin Zulpilip.

Program tersebut disertai oleh seramai 50 peserta yang terdiri daripada Ahli – Ahli Sarawak Badan Amal Tenaga Isteri – Isteri (SABATI), Pegawai – Pegawai Kanan, Pegawai – Pegawai, anggota pentadbiran, masyarakat setempat, pelajar – pelajar IPT dan juga Ahli – Ahli Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Hadir bersama dalam program tersebut ialah Pengarah SPRM Sarawak, TPj. Razim bin Mohd Noor, Pengarah UNION, Haji Adana bin Haji Jed, Pengarah Hutan Sarawak, Haji Hamden bin Mohammad, Timbalan Pengarah (Operasi), KPKPj. Haji Abdul Razak bin Deraof, dan Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Sarawak, P/PKPj. Chang Ching.



## PROGRAM KEEPING PENANG CORRUPTION FREE "SAY NO TO CORRUPTION"

Pulau Pinang, 30 Mac - Program *Keeping Penang Corruption Free "Say No To Corruption"* dengan kerjasama Penang Hill Corporation (PHC) dan Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) Pulau Pinang telah berlangsung dengan jayanya.

Program dimulakan dengan persembahan tarian pembukaan oleh artis kebudayaan JKKN Pulau Pinang dan ucapan aluan disampaikan oleh Pengurus Bahagian Khidmat Pengurusan Korporat PHC, Puan Sumirahilin Sedek manakala ucapan perasmian oleh Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Pulau Pinang, PKPj. Chin Chen Huat.

Kemuncak majlis adalah penyerahan poster "Say No To Corruption" oleh Tuan Chin Chen Huat kepada Puan Sumirahilin Sedek sekaligus merasmikan program *Keeping Penang Corruption Free*.

PHC juga akan turut memainkan video berinformasi SPRM "Let's Fight Corruption Together" di skrin-skrin sekitar Bukit Bendera. Majlis perasmian diakhiri dengan sesi bergambar dan program diteruskan dengan *walkabout* di sekitar dataran Bukit Bendera diselangi dengan persembahan tarian serta nyanyian. Pameran berinformasi turut dibuka sepanjang program berlangsung.

Dalam program bertemakan *walkabout*, sebanyak hampir 500 orang pelancong dari dalam dan luar negara telah ditemui dan diberikan penerangan berkaitan SPRM dan pencegahan rasuah.

Program tersebut bertujuan memberi mesej kepada pelancong-pelancong dari luar negara bahawa Malaysia adalah sebagai negara berintegriti dan bukannya negara rasuah serta mendekatkan SPRM dengan masyarakat selaras dengan aspirasi nasional yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Malaysia.



## MAJLIS PELANCARAN PERASMIAN MS.ISO 37001:2016 ANTI BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) SEDCO AGENSI PERTAMA DI SABAH

Sabah, 23 April - Majlis Pelancaran dan Perasmian MS.ISO 37001:2016 *Anti-bribery Management System (ABMS)* dengan kerjasama SPRM Sabah telah berlangsung dengan jayanya dan dirasmikan oleh Wakil Pengurus Besar SEDCO Encik Azrul Ahmad, Timbalan Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat dan Kewangan).

Turut hadir Ahli Lembaga Pengarah, Datuk Zaleha Rose Pandin dan disaksikan oleh Pengarah SPRM Negeri Sabah, Dato' Sazali bin Salbi, Encik Suhaimi Untong, Timbalan Pengurus Besar (Perancang dan Pembangunan) SEDCO dan Puan Hjh. Jamilah Hj. Yunus, Ketua Unit Integriti SEDCO.

Antara ucapan Pengurus Besar SEDCO Encik Azrul Ahmad, dalam pelancaran MS.ISO 37001:2016 tersebut yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa telah membuka lembaran baru bagi memperkasakan imej SEDCO serta menggalakan Tadbir Urus yang baik sepertimana dinyatakan dalam pelan antirasuah nasional: bidang keutamaan strategi 6.2.4. Ini termasuk melaksanakan Sistem Pengurusan Antirasuah

yang berkesan, berintegriti, proaktif dalam menangani gejala rasuah yang mana isu rasuah adalah sangat kritikal yang perlu dibendung secara sistematik yang menyebabkan berlakunya peningkatan kos modal dalam pembangunan. Penjawat awam adalah golongan yang berisiko tinggi terhadap rasuah terutama dalam perolehan kerajaan, dengan pelancaran ABMS ini dapat memantapkan perkhidmatan terbaik daripada pihak pembekal.



## PERJUMPAAN PENGARAH SPRM NEGERI SARAWAK BERSAMA KETUA MENTERI SARAWAK

Kuching, 25 Februari - Satu perjumpaan di antara Pengarah SPRM Sarawak, TPj Razim Bin Mohd Noor bersama Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg telah diadakan di Pejabat Ketua Menteri Sarawak, Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya.

Perjumpaan tersebut adalah bertujuan untuk mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak supaya melaksanakan pengisytiharan harta bagi semua Ahli-ahli Parlimen Sarawak dan Ahli Pentadbiran Parti Gabungan Sarawak (GPS) sepertimana yang disarankan oleh Pusat Governans, Integriti Dan Antirasuah (GIACC).

Ketua Menteri Sarawak telah bersetuju untuk menyahut cabaran sepertimana disarankan oleh GIACC. Ketua Menteri Sarawak juga berhasrat untuk cadangan ini dipanjangkan sehingga ke peringkat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di seluruh Negeri Sarawak.





**“ Perlu ditekankan ke dalam minda semua rakyat Malaysia bahawa adalah penting bagi kita untuk memerangi rasuah jika kita mahu mencapai status negara maju. ”**

**Tun Dr. Mahathir bin Mohamad**  
Perdana Menteri Malaysia  
29 Januari 2019



**RASUAH DIHINA, MARUAH DIBINA**



@sprm.community



www.sprm.gov.my



www.youtube.com/user/ODVMACC



SPRM Community



1 800 88 6000



www.flickr.com/photos/ourdifferentview



@sprmcommunity



www.macc.fm